- 6.1 Any successful E-bidders shall and undertake to sign the contract of sale and pay the additional 10% for the difference of the purchase price within two (2) working days to **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd** bank account or prepare a bank draft. In the event that the successful E-bidder fail to pay additional deposit, the Bank will forfeit the deposit and the sale will be deemed cancelled/terminated and the property may be put up for subsequent auction without further notice to the said E-bidders.
- 6.2 The Auctioneer shall send the Memorandum of Sale for stamping and thereafter forward the same together with the deposit paid and the differential sum paid to the Assignee/Bank.
- 6.3 For stamping of 5 contracts, the successful E-bidders shall transfer RM100.00 to the **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** bank account or pay by cash when signing the Contract of Sale within two (2) working days from the Auction day.
- 6.4 **For E-bidding:** The auctioneer and the Bank's solicitor shall sign all 5 copies of contract first, right after the auction. The successful E-bidder must to come to the **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** main office in Seremban to sign the Contract of Sale within two (2) working days after the auction date.
- 6.5 Any successful E-bidder who is unable to attend the signing of the Contract of Sale within the stipulated time, may authorize any person or an agent to sign the Contract of Sale on his behalf by inserting the particulars of the authorized person at **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website. The authorized person shall provide the Letter of Authorization signed by the successful E-bidder together with a copy of his/her Identity Card to the Auctioneer.
- 6.6 If the successful bidder fail to sign the Contract Of Sale within three (3) working days, the Bank has the right to forfeit the deposit and the sale will be deemed terminated and the property may be put up for the next auction. The balance of selling price must be settled within 90 days from the auction date.

7.0 PERSONAL DATA PROTECTION

- 7.1 By accessing **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website, the E-Bidders acknowledge and agree that **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website may collect, retain, or disclose the E-Bidder's information or any information by the e-bidders for the effectiveness of services, and the collected, retained or disclosed information shall comply with Personal Data Protection Act 2010 and any regulations, laws or rules applicable from time to time.
- 7.2 **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** will process E-bidder personal data such as name, address, NRIC and contact number for registration and E-bidding purposes. E-bidders shall be responsible for the username and password of **eZ2Bid** and not to reveal the password to anyone.
- 7.3 E-bidders agree to accept all associated risks when using the service in the **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website and shall not make any claim for any unauthorized access or any consequential loss or damages suffered.
- 7.4 E-bidders shall be responsible for the confidentiality and the use of password and not to reveal the password to anyone at any time and under any circumstances, whether intentionally or unintentionally.
- 7.5 E-bidders agree to comply with all the security measures related to safety of the password or generally in respect of the use of the service.
- 7.6 E-bidders accept the responsibility that in any event that the password is in the possession of any other person whether intentionally or unintentionally, the E-Bidders shall take precautionary steps for the disclosure, discovery, or the Bidders shall immediately notify **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.**

8.0 APPLICABLE LAWS AND JURISDICTION

- 8.1 The usage of **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website together with the terms and conditions hereof shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
- 8.2 The laws of Malaysia shall regulate and apply to all electronic transactions of immoveable property by public auction. Any legal actions or proceedings arising out of or in connection with the electronic transaction of immoveable property by public auction shall subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

9.0 INTELLECTUAL PROPERTY

- 9.1 Any information, contents, materials, documents, details, graphics, files, data, text, images, digital pictures, or any visual being displayed in the **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website shall not be used or published either by electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without the permission from **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website.
- 9.2 In the event of any infringement of intellectual property rights under the Terms and Conditions herein, **Eszam Auctioneer Sdn. Bhd.** website may use any available legal remedies which may include the demand for actual or statutory damages, solicitors' fees and injunctive relief.

10.0 MISCELLANEOUS

- 10.1 In the event there is any discrepancy, misstatement or error appearing in translations of the particulars and the Terms and Conditions to any other language (if any), the Terms and Conditions in the English Language version shall prevail.

PERISYTIHARAN JUALAN

Dalam Perkara Perjanjian Pinjaman Fleksi Smart Perumahan/Rumah Kedai, Surat Ikatan Penyerahan Hak Dan Surat Kuasa Wakil Kesemuanya Bertarikh 06hb Disember, 2016

Antara
CIMB Bank Berhad (13491-P)..... Pihak Pemegang Serahan Hak / Bank
Dan
Nor Azian Bt Osman (No. K/P: 780719-02-5824)..... Pihak Penyerahan Hak / Peminjam

Menurut hak dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Pemegang Serahan Hak / Bank di bawah Perjanjian Pinjaman Fleksi Smart Perumahan/Rumah Kedai, Surat Ikatan Penyerahan Hak Dan Surat Kuasa Wakil Kesemuanya Bertarikh 06hb Disember, 2016 di antara Pihak Penyerahhak / Peminjam dan Pihak Pemegang Serahan Hak / Bank, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pihak Pemegang Serahan Hak / Bank dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah;

Akan Menjual Hartanah Yang Diterangkan Di Bawah Secara

LELONGAN AWAM

Pada 15hb Ogos, 2020, Bersamaan Hari Sabtu, Jam 10.30 Pagi,
Di Dewan Sri Ledang, Tingkat 2, Hotel Sentral Johor Bahru,
No. 17, Jalan Tenteram, Tanjung Puteri, 80300 Johor Bahru, Johor.

&

Secara alternatif, penawar yang berminat boleh mengemukakan bidaan untuk Hartanah atas talian ("online") melalui laman web www.eszamauctioneer.com (Untuk bidaan atas talian, sila daftar sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum hari lelongan untuk tujuan pendaftaran & pengesahan) PENAWAR ATAS TALIAN ADALAH SELANJUTNYA TERTAKLUK KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DI www.eszamauctioneer.com

1. Hartanah:

Keterangan: : Kesemua lot kediaman (sebuah unit servis apartment) dikenali sebagai Petak No. B-22-03, Tingkat No. 22, Bangunan No. B, beserta Aksesori Petak No. 036-Level 1, The Aliff Residences.
Jual Beli yang asal)
Alamat Pos : #22-03, Block B, Jalan Tahana, Pangsapuri Alif Utama, Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
Keluasan Lantai : Anggaran 88 meter persegi (947 kaki persegi)
Penjual/Pemaju : MB Land Sdn Bhd (No. Syarikat : 761875-W)
Hakmilik Strata : Hakmilik Strata tersebut belum dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri

2. Hakmilik Induk:

Butir-butir Hakmilik : H.S.(D) 527034 PTB 24105, Bandar Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor Darul Takzim
Pegangan : Pajak 99 tahun akan tamat 17/09/2112
Syarat-syarat Nyata : i) Tanah ini hendaklah digunakan bangunan bertingkat untuk tujuan Service Apartment, dibina mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.
ii) Segala kekotoran dan pencemaran akibat daripada aktiviti ini hendaklah disalurkan ke tempat-tempat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.
iii) Segala dasar dan syarat yang telah ditetapkan dan dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Berkenaan hendaklah dipatuhi.
Sekatan Kepentingan : i) Tuan punya tanah tidak dibenarkan menawar atau menjual unit-unit (parcels) bangunan yang akan dibina diatas tanah ini melainkan bangunan telah mula dibina mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.
ii) Petak-petak bangunan yang didirikan diatas tanah ini apabila sahaja bertukar miliknya kepada Bumiputera/Syarikat Bumiputera maka tidak boleh terkemudian daripada itu dijual, dipajak atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada orang Bukan Bumiputera Syarikat/Syarikat Bukan Bumiputera tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.
iii) Petak-petak bangunan yang didirikan diatas tanah ini tidak boleh dijual atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada Bukan Warganegara/Syarikat Asing tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

PENAWAR YANG BERMINTA DINASIHATKAN AGAR MEMERIKSA HARTANAH TERSEBUT DAN MEMBUAT CARIAN DAN BERGANTUNG KEPADA PENCARIAN, PERTANYAAN, PENYIASATAN DAN PENGESAHAN MASING-MASING BERKENAAN DENGAN KETEPATAN DAN KEBENARAN BUTIR-BUTIR DAN MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN SERTA MENDAPATKAN NASIHAT PROFESIONAL BERKENAAN DENGAN SEGALA MAKLUMAT TERSEBUT SEBELUM JUALAN LELONG.

Hartanah tersebut akan dijual melalui lelongan melalui Pelelong. Hakmilik terhadap Hartanah akan diserahkan kepada Pembeli Berjaya melalui Penyerahhakan selepas penyempurnaan Penyerahhakan tersebut.

Pihak Bank tidak akan memberi jaminan terhadap ketepatan atau kebenaran maklumat dan kenyataan yang terkandung dalam Perisytiharan Jualan dan Syarat-syarat Jualan atau berkenaan dengan kedudukan atau keadaan Hartanah tersebut selain daripada Pihak Bank sebagai Pemegang Serah hak Benefisial yang sah ke atas Hartanah tersebut. Selain daripada yang dinyatakan sebelum ini, tiada perwakilan / pengesahan dibuat secara langsung atau tidak langsung oleh Pihak Bank.

Pemegang Serah hak/Bank dimana yang disebut di dalam Perisytiharan Jualan ini adalah bermaksud Pihak Pemegang Serah hak/Bank dan/atau segala perniagaan, aset dan liabiliti kepunyaan mana-mana institusi kewangan yang telah dipindahmilik kepada dan/atau diletakkan dan/atau dipegang oleh Pemegang Serah hak/Bank dan/atau mana-mana institusi kewangan yang telah menukar namanya kepada Pemegang Serah hak/Bank dan mana-mana perjanjian yang terwujud di mana institusi kewangan tersebut dahulunya adalah satu pihak dibawah perjanjian tersebut kini dianggap seolah-olah Pemegang Serah hak/Bank telah menjadi satu pihak dibawahnya. Butir-butir penuh bagi perkara diatas boleh diperolehi daripada Pemegang Serah hak/Bank atas permintaan.



Harga Rizab: RM294,400.00

Nota: Sebelum jualan lelong, kesemua penawar yang berminat dinasihatkan agar:-

- Memeriksa hartanah tersebut
- Membuat carian hakmilik (secara rasmi dan tidak rasmi);
- Membuat pertanyaan berkenaan kepada Pemaju, Tuantanan dan / atau Pihak Berkuasa; dan
- Mendapatkan sesalinan Syarat-syarat Jualan daripada Pelelong.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Tetuan A.Rahim & Co**, Peguamcara bagi Pihak Pemegang Serah hak / Bank, di **No. 98-100, Jalan Setia Tropika 1/7, Taman Setia Tropika, 81200 Johor Bahru, Johor.** (Ruj: LIT/1848/19/CIMB/HL/FAH, Tel: 07-2888226, Fax: 07-2888226) atau **CIMB Bank Berhad**

Hotline 1 300-88-0811 atau

Laman Web : apmart.cimbbank.com.my

ESZAM AUCTIONEER SDN BHD. (760902-H)

No. 23, Jalan Keruing 4, Taman Rinting,
81750 Masai, Johor.

atau

No. 14, Tingkat 1, Jalan Dato' Lee Fong Yee,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.

NO TELEFON : 06-7629786 / 018-6639786 / 016-6639786

NO FAKS : 06-7616986

E-MEL : eszamauctioneer@yahoo.com

LAMAN WEB : www.eszamauctioneer.com

RUJUKAN KAMI : EZ/LACA/CIMB/227/2020/MNS/fatin

Harga Rizab:

Hartanah tersebut akan dijual "dalam keadaan seperti sediaada" dan tertakluk kepada harga rizab dan kepada terma terma yang terdapat di dalam Perisytiharan dan Syarat syarat Jualan.

Deposit:

Kesemua penawar adalah dikehendaki mendeposit kepada Pelelong, sebelum jualan lelong, **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab bersama-sama dengan Cukai (dimana berkenaan) melalui **deraf Pelanggan atau pesanan juruwang** sahaja di atas nama **CIMB Bank Berhad**. Penawar atas talian adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di www.eszamauctioneer.com.

MASA PENDAFTARAN DITUTUP : 10.15 PAGI

HU BOON WHATT
MOHD NIZAM BIN MOHD SHARIF
Pelelong Berlesen

SYARAT-SYARAT JUALAN

1. Jualan ini dibuat oleh CIMB BANK BERHAD ("Pemegang Serahhak/Bank") dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak/Bank menurut **Perjanjian Pinjaman Fleksi Smart Perumahan/Rumah Kedai, Surat Ikatan Penyerahan Hak Dan Surat Kuasa Wakil Kesemuanya Bertarikh 06hb Disember, 2016** yang dilaksanakan oleh **Nor Azian Bt Osman (No. K/P : 780719-02-5824)** ("Penyerahhak / Peminjam") seperti yang terdapat dalam Perisytiharan Jualan yang memihak kepada Pihak Pemegang Serahhak/Bank dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengan dan/atau melibatkan Hartanah tersebut.
2. Hartanah tersebut dijual dalam keadaan "**sepertimana sedia ada**" tanpa milikan kosong tertakluk kepada:
 - (a) semua syarat-syarat nyata dan/atau tersirat, sekatan kepentingan yang melibatkan Tanah Induk dan yang mana boleh dikenakan/diendorkan ke atas pengeluaran dokumen hakmilik individu atau hakmilik strata kepada Hartanah tersebut terhadap pengeluaran tersebut;
 - (b) semua ismen, waad, gadaian, kaveat, liabiliti, (termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti kepada pihak berkuasa tempatan yang ditanggung tetapi tidak dipastikan dan apa-apa kadar yang dibuat tetapi tidak dituntut) dan apa-apa tuntutan yang bertentangan berkenaan dengan Hartanah tersebut; dan
 - (c) semua tenansi, pajakan, penghuni dan hak (jika ada) daripada mana-mana penyewa atau penghuni, wujud atasnya atau oleh itu tanpa apa-apa obligasi yang timbul untuk mentakrifnya masing-masing.
3. Jika hartanah yang ditawarkan untuk lelongan terdiri daripada lebih daripada satu (1) Hartanah, Pelelong tersebut hendaklah mempunyai hak untuk mengawalselia jualan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) menentukan atau mengubah perintah penjualan tersebut;
 - (b) menawarkan Hartanah-Hartanah tersebut untuk dijual sama ada secara individu atau beramai-ramai (en bloc) atau dalam mana-mana kombinasi/cara yang ditentukan oleh Pelelong tersebut; dan/atau
 - (c) menarik balik mana-mana Hartanah-Hartanah daripada jualan atas arahan Pemegang Serahhak/Bank.
4. Pelelong tersebut hendaklah mempunyai hak atas arahan Pemegang Serahhak/Bank untuk menarik balik hartanah untuk dijual pada bila-bila masa sebelum jualan telah diketuk dan sama ada selepas atau tanpa mengisytiharkan harga rizab itu tertakluk kepada arahan Pemegang Serahhak/Bank sebelum penarikan balik itu.
5. Tertakluk kepada harga rizab berserta dengan Cukai [di mana berkenaan], Penawar tertinggi yang dibenarkan oleh Pelelong, akan menjadi pembeli yang berjaya ("**Pembeli Berjaya**") walaubagaimanapun Pelelong dan/atau Pihak Pemegang Serahhak/Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang bidaan tanpa perlu memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu. Jika apa-apa pertikaian yang timbul mengenai sebarang bidaan atau bidaan-bidaan dan/atau proses penawaran dan/atau bidaan tertinggi, Pelelong tersebut boleh, setelah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan Pemegang Serahhak/Bank, mengikut budi bicaranya sendiri memutuskan pertikaian itu atau menjalankan semula jualan lelongan pada tawaran terakhir yang dipertikaikan atau boleh menarik balik Hartanah tersebut dari jualan lelongan.
6. Tiada bidaan akan menjadi kurang daripada bidaan yang sebelumnya dan harga rizab untuk Hartanah tersebut dan tidak ada sebarang bidaan boleh ditarik balik. Sekiranya terdapat mana-mana penarikan balik daripada penawar berdaftar atau penawar tertinggi selepas lelongan dijalankan (atau selepas ketukan tukul), deposit sebanyak 10% daripada harga rizab yang diletakkan oleh penawar berdaftar atau penawar tertinggi akan dirampas oleh Pemegang Serahhak/Bank dan Hartanah tersebut akan dijual semula mengikut budi bicara mutlak Pemegang Serahhak/Bank atau Pihak Pemegang Serahhak/Bank boleh membuat keputusan untuk menangguhkan jualan lelong untuk tarikh yang lain.
7. Pemegang Serahhak/Bank adalah bebas untuk membuat bidaan bagi hartanah tersebut (tanpa perlu membayar apa-apa deposit sekalipun). Jika Pemegang Serahhak/Bank adalah Pembeli Berjaya, Pihak Pemegang Serahhak/Bank adalah bebas untuk menolak harga rizab terhadap amaun yang kena dibayar dan terhutang di bawah Perjanjian Pinjaman/Perjanjian Kemudahan/Surat Ikatan Penyerahanhak/Perjanjian Jualan Hartanah pada tarikh jualan, berserta dengan semua kos dan perbelanjaan jualan itu dan semua kos dan perbelanjaan lain apa pun berhubung dengan perkara ini.
8. Mana-mana anak syarikat, syarikat berkaitan atau bersekutu bagi Pemegang Serahhak/Bank ("**Syarikat Berkaitan CIMB**") boleh membuat bidaan di lelongan awam dan Syarikat Berkaitan CIMB adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 9, 10 dan 14 (a) bagi Syarat-syarat Jualan ini.
Jika Syarikat Berkaitan CIMB adalah Pembeli Berjaya:
 - (a) suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab berserta dengan Cukai (di mana berkenaan), hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana; dan
 - (b) Baki Harga Belian berserta dengan Cukai (di mana berkenaan) hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana Syarikat Berkaitan CIMB dalam tempoh 90 hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/Bank (jika ada) .
9. Semua penawar yang berminat (kecuali Pemegang Serahhak/Bank) dikehendaki menandatangani dengan Pelelong atau Peguamcara Pihak Pemegang Serahhak/ Bank itu sejumlah wang yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab ("**Deposit**") untuk Hartanah tersebut berserta dengan Cukai (di mana berkenaan) melalui bank draf atau cashier's order dibayar kepada **CIMB BANK BERHAD** sahaja sebelum jualan lelongan. **Penawar atas talian adalah tertakluk kepada peruntukan Klausa 3.5, 3.6 dan 3.7 Terma-terma & Syarat-syarat di www.eszamauctioneer.com untuk cara pembayaran deposit.** Mana-mana orang yang berhasrat untuk membuat tawaran bagi pihak lain, perbadanan atau firma dikehendaki menandatangani dengan Pelelong sebelum jualan lelongan suatu surat atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang boleh diterima oleh Pemegang Serahhak/Bank untuk menyatakan bahawa beliau bertindak bagi pihak lain, perbadanan atau firma dan beliau diberi kuasa untuk menandatangani semua dokumen yang diperlukan. Semua penawar yang berminat adalah dikehendaki untuk mengesahkan identiti mereka dengan menunjukkan Pelelong kad pengenalan (atau lain-lain dokumen bagi pengenalan

yang boleh diterima oleh Pelelong) sebelum bermulanya lelongan untuk tujuan pengesahan, sekiranya gagal berbuat demikian mereka tidak berhak untuk membuat tawaran. Seorang bankrap belum dilepaskan adalah tidak dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Jika jualan adalah terhad kepada bumiputera sahaja, Penawar yang berminat hendaklah terdiri daripada bumiputera atau Syarikat bumiputera sahaja.

10. Sejurus selepas ketukan tukul, Pembeli Berjaya (selain daripada Pemegang Serahhak/Bank) hendaklah menandatangani Memorandum Kontrak dan Deposit tersebut hendaklah dipegang oleh Pemegang Serahhak/Bank tertakluk kepada peruntukan bagi Klausa 12, 15 dan 16 **dan Penawar Online adalah tertakluk kepada peruntukan Klausa 6 Terma-terma dan Syarat-syarat di www.eszamauctioneer.com.**
11. Harga selepas penutupan bidaan hendaklah dikenali sebagai Harga Belian.
12. Jika Pembeli Berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum Kontrak, Deposit dibayar menurut Klausa 9 hendaklah dirampas oleh Pemegang Serahhak/Bank dan Hartanah itu hendaklah dijual semula pada masa yang akan ditetapkan oleh Pemegang Serahhak/Bank mengikut budi bicara mutlak Pemegang Serahhak/Bank.
13. Jika Pembeli Berjaya berniat untuk:
 - (a) melantik seseorang atau syarikat untuk menjadi penama atau pembeli Hartanah tersebut; atau
 - (b) menambah orang lain atau perbadanan untuk menjadi pembeli bersama Hartanah tersebut,

Pembeli Berjaya hendaklah dalam masa 7 hari dari tarikh jualan atau apa-apa masa yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/ Bank, memohon kepada Peguamcara Pihak Pemegang Serahhak/Bank untuk apa-apa perlantikkan atau tambahan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Pemegang Serahhak/Bank. Jika Pemegang Serahhak/Bank meluluskan permohonan tersebut, Pemegang Serahhak/Bank hendaklah mempunyai hak untuk mengenakan apa-apa terma dan syarat lain yang dianggap patut oleh Pihak Pemegang Serahhak/Bank. Semua yuran guaman dan perbelanjaan lain termasuk Cukai (di mana berkenaan) yang ditanggung untuk Surat Ikatan Pembatalan dan Perlantikkan/Penambahan dan/atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang mana mungkin diperlukan untuk melaksanakan perlantikkan/penambahan itu hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli Berjaya atau penama/pembeli bersama tambahan.

14. Baki Harga Belian hendaklah dibayar seperti berikut:
 - (a) Pembeli Berjaya hendaklah membuat bayaran kepada Pemegang Serahhak/Bank melalui mana-mana cara pembayaran (kecuali tunai, cek dan kad kredit) bagi jumlah wang yang bersamaan dengan baki harga belian ("**Baki Harga Belian**") (berserta dengan semua faedah pembayaran lewat, jika ada) dan Cukai (di mana berkenaan) dibayar atas nama "**CIMB BANK BERHAD**" dan hendaklah dibayar **PADA ATAU SEBELUM 12HB NOVEMBER, 2020 ("Tarikh Siap")** atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/Bank menurut subfasal (b) di bawah;
 - (b) Pembeli Berjaya boleh memohon untuk melanjutkan Tarikh Siap dari Pemegang Serahhak/Bank dengan syarat bahawa permohonan itu dibuat secara bertulis dan diterima oleh Pemegang Serahhak/Bank atau peguamcaranya dalam tempoh 14 hari sebelum tamat Tarikh Siap itu. Apabila menerima permintaan bertulis Pembeli Berjaya untuk melanjutkan Tarikh Siap, Pihak Pemegang Serahhak/Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk:
 - (i) membenarkan lanjutan masa tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dianggap patut dan boleh dikenakan oleh Pemegang Serahhak/Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran faedah ke atas baki harga belian yang belum dibayar pada kadar dan mengikut cara yang ditentukan oleh Pemegang Serahhak/Bank mengikut budi bicaramutlaknya; atau
 - (ii) menolak permohonan untuk lanjutan masa tanpa perlu memberi sebarang alasan, di mana Deposit dibayar menurut Klausa 9 di atas akan dirampas.
15. Jika Pembeli Berjaya gagal membayar Baki Harga Belian (berserta dengan apa-apa faedah pembayaran lewat, jika ada) dan Cukai (di mana berkenaan) menurut Klausa 14 di atas dan/atau melanggar mana-mana peruntukan mengikut Syarat-Syarat Jualan ini, pihak Pemegang Serahhak/ Bank hendaklah berhak untuk:
 - (a) membatalkan jualan lelong tersebut dimana Deposit yang dibayar menurut Klausa 9 di atas akan dirampas oleh Pemegang Serahhak/Bank dan Pemegang Serahhak/Bank mempunyai hak dan kebebasan untuk meletakkan Hartanah tersebut untuk dijual pada satu masa, tempat dan harga rizab akan ditetapkan oleh Pemegang Serahhak/Bank mengikut budi bicara mutlaknya ; atau
 - (b) secara alternatif, menguatkuasakan pelaksanaan spesifik terhadap Pembeli Berjaya untuk menyempurnakan jualan tersebut dimana Pembeli Berjaya akan bertanggungjawab untuk membayar semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Serahhak / Bank dalam memulakan tindakan bagi pelaksanaan spesifik.
16. Jika Pembeli Berjaya menjadi bankrap (atau digulung sekiranya Pembeli Berjaya adalah sebuah syarikat) atau meninggal dunia pada/sebelum Tarikh Siap atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serah hak/Bank, Pemegang Serah hak/Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
 - (a) merampas Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
 - (c) setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Pembeli Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Pembeli yang berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
 - (d) Pemegang Serahhak/Bank boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pihak Pemegang Serahhak/Bank anggap patut dan keputusan Pihak Pemegang Serahhak/Bank adalah muktamad.

17. Jika terdapat sebarang percanggahan dan/atau perbezaan material bagi keterangan pihak-pihak dan/atau Hartanah dalam perisytiharan jualan ini dan dokumen sekuriti di dalam pegangan Pemegang Serahhak/Bank, Pihak Pemegang Serahhak/Bank hendaklah, kecuali percanggahan dan/atau perbezaan material tersebut disebabkan oleh Pemegang Serahhak/Bank, tertakluk kepada keupayaannya, membantu Pembeli Berjaya untuk membetulkan percanggahan dan/atau perbezaan tersebut di mana semua kos dan/atau perbelanjaan yang dilakukan hendaklah ditanggung oleh Pembeli Berjaya.
- (a) Sekiranya percanggahan kejadian material itu tidak dapat dibetulkan oleh Pemegang Serahhak/Bank/Pembeli Berjaya, Pembeli Berjaya boleh, sebelum tamat jualan, menamatkan pembelian ini yang mana, Deposit dibayar menurut Klausula 9 di atas, hendaklah dibayar balik kepada Pembeli Berjaya tanpa apa-apa faedah atau pampasan yang dibayar. Memorandum Kontrak yang ditandatangani menurut lelongan ini akan ditamatkan dan tidak mempunyai apa-apa kesan lagi dan salah satu pihak tidak boleh membuat tuntutan lanjut terhadap pihak yang satu lagi berkenaan dengan percanggahan.
18. Semua bayaran perkhidmatan dan penyelenggaraan, cukai tanah dan taksiran yang kena dibayar berkenaan dengan Hartanah tersebut hendaklah diperuntukkan setakat tarikh jualan. Tertakluk kepada Pembeli Berjaya mematuhi ketentuan dalam sub Klausula (a) dan (b) di bawah, bahagian yang diperuntukkan untuk tempoh sehingga tarikh lelong hendaklah dibayar daripada Harga Belian. Bahagian yang berkaitan dari tarikh lelong hendaklah ditanggung oleh Pembeli Berjaya. Pembeli Berjaya hendaklah:
- (a) membayar semua bayaran perkhidmatan dan penyelenggaraan, cukai tanah dan taksiran berkenaan dengan Hartanah tersebut bermula dari tarikh lelong; dan
- (b) mengemukakan bukti bayaran yang berkaitan berkenaan dengan caj perkhidmatan dan penyelenggaraan, cukai tanah dan taksiran dengan cara resit asal dan/atau salinan resit asal tersebut diperakui dengan sewajarnya oleh pengeluar resit tersebut dan bil terperinci bagi caj tersebut kepada Pemegang Serahhak/Bank berserta dengan pembayaran Baki Harga Belian. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya resit dan bil terperinci tersebut tidak dikemukakan, apa-apa tuntutan berikut yang dibuat di bawahnya tidak akan dilayan oleh Pemegang Serahhak/ Pemberi Pinjam.
19. Melainkan jika dipersetujui oleh Pemegang Serahhak/Bank (tertakluk kepada apa-apa terma-terma dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Pemegang Serahhak/Bank mengikut budi bicara mutlak), semua cukai, kadar, levi, caj pentadbiran, yuran, kumpulan wang penjelas, insuran kebakaran, bil utiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada caj-caj air, elektrik, gas atau pembedungan) dan/atau mana-mana wang lain yang kena dibayar atau terutang kepada Pemaju dan/atau Pemilik mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan berkenaan dengan Hartanah tersebut hendaklah ditanggung oleh Pembeli Berjaya berkenaan. Adalah menjadi tanggungjawab Pembeli Berjaya untuk membayar kepada Pemaju sebarang Baki Harga Belian yang mungkin masih kena dibayar dan terutang kepada Pemaju di bawah Perjanjian Jual Beli Asal di antara Pemaju dan Pembeli Pertama berkenaan dengan Hartanah tersebut, jika ada.
20. Pembeli Berjaya hendaklah memohon dan mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan (jika ada) berkenaan dengan pembelian dan penyerahan hak Hartanah tersebut atau apa-apa persetujuan lain dari mana-mana badan atau pihak berkuasa sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dari semasa ke semasa. Selain itu, Pembeli Berjaya hendaklah meminta dan mendapatkan semua pengesahan Pemaju berkaitan berhubung Hartanah tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada status pengeluaran hakmilik strata, butir-butir hakmilik induk dan alamat pos Hartanah tersebut. Semua yuran, caj dan perbelanjaan dan Cukai (di mana berkenaan) yang berkaitan dengan atau bersampingan dengan permohonan itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan atau permintaan untuk pengesahan Pemaju hendaklah ditanggung oleh Pembeli Berjaya.
21. Pembeli Berjaya bersetuju dan berakujanji bahawa:
- (a) Pembeli Berjaya hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua pembayaran kos dan perbelanjaan berkenaan termasuk Cukai (di mana berkenaan) yang berkaitan dengan serahhak dan/atau pemindahan Hartanah tersebut bagi pihak Pembeli Berjaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem ad valorem, yuran peguamcara;
- (b) Pembeli Berjaya dan pembiaya beliau tidak boleh membuat apa-apa kaveat persendirian pada Tanah Induk;
- (c) Pembeli Berjaya hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkaitan (sekiranya ada).
- Jika jualan tertakluk kepada persetujuan pihak berkuasa yang berkenaan atau apa-apa kebenaran lain yang diperlukan dan kebenaran tersebut tidak diperolehi untuk apa-apa sebab yang boleh diagihkan kepada Pembeli Berjaya, ia tidak akan membatalkan jualan dan tidak melepaskan Pembeli Berjaya daripada kewajipan beliau di bawah jualan ini tanpa menjejaskan apa-apa hak dan remedi Pihak Pemegang Serahhak/Bank di bawah Perjanjian ini termasuk hak untuk menamatkan mengikut Klausula 15.
22. Pembeli Berjaya hendaklah mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan (jika ada) sebelum tarikh siap atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan oleh Pihak Pemegang Serahhak/Bank.
23. Pembeli Berjaya hendaklah pada kos sendiri dan perbelanjaan mengambil milik Hartanah selepas pembayaran Baki Harga Belian. Pihak Pemegang Serahhak/Bank atau ejennya tidak mempunyai kewajipan untuk menyerahkan milikan kosong Hartanah tersebut dan Pembeli yang berjaya adalah DILARANG daripada memasuki Hartanah tersebut sebelum pembayaran Baki Harga Belian dan/atau faedah pembayaran lewat (jika ada).
24. Pembeli Berjaya bersetuju dan berakujanji untuk terikat dengan terma-terma, syarat-syarat, perjanjian, waad dan kewajipan pembeli asal seperti yang terkandung dalam dokumen membuktikan hakmilik (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran caj-caj penyelenggaraan/perkhidmatan untuk penyelenggaraan dan pengurusan harta biasa bagi skim tersebut di mana harta itu adalah sebahagian daripadanya dan apa-apa caj-caj, fi, kos dan perbelanjaan lain yang lebih khusus yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli asal dan perjanjian (jika ada) yang dibuat antara Pemaju, pemilik (jika berkenaan) dan pembeli asal seolah-olah Pembeli Berjaya adalah parti asal dengannya.

25. Setelah pengeluaran hakmilik individu/strata bagi Hartanah, Pembeli Berjaya bersetuju bahawa jika pindahmilik Hartanah ke atas Pembeli Berjaya tidak boleh didaftarkan untuk apa-apa sebab yang boleh diagihkan kepada Pembeli Berjaya, tiada pendaftaran tersebut tidak boleh membatalkan jualan atau melepaskan Pembeli Berjaya dari obligasinya di bawah jualan ini tanpa menjejaskan apa-apa hak dan remedi Pihak Pemegang Serahhak/Bank di bawah Perjanjian ini termasuk hak untuk menamatkan mengikut Klausula 15.
26. Setelah menerima bayaran penuh bagi Baki Harga Belian mengikut Klausula 14 di atas, Pemegang Serahhak/Bank hendaklah melaksanakan atau menyebabkan perlaksanaan secepat mungkin, suatu penyerahanhak kepentingan benefisial dalam Hartanah tersebut memihak kepada Pembeli Berjaya. Penyerahanhak tersebut hendaklah disediakan oleh peguam Pembeli Berjaya pada kos dan perbelanjaan Pembeli Berjaya (termasuk yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran) dan setelah menerima Baki Harga Belian Pihak Pemegang Serahhak/Bank (tertakluk kepada yang berkaitan berada di dalam milikan Pemegang Serahhak/Bank) hendaklah menyerahkan kepada Pembeli Berjaya dan/atau peguamcaranya dengan secepat yang mungkin semua dokumen sekuriti yang relevan berhubung dengan Hartanah tertakluk kepada hak Pemegang Serahhak/Bank untuk mengekalkan perjanjian kemudahan (jika ada) bagi penguatkuasaan hak kontrak Pemegang Serahhak/Bank.
27. Hartanah dipercayai dan akan dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua syarat-syarat nyata/ tersirat, sekatan kepentingan, kaveat, tenansi, isemen, pajakan, gadaian, jual beli sebelum ini, serahhanhak sebelum ini, perjanjian, liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti kepada pihak berkuasa tempatan yang ditanggung tetapi belum ditentukan apa-apa kadar yang dibuat tetapi tidak dituntut), bebanan, hak-hak dan/atau penghuni, (jika ada), wujud di atas atau terdapat tanpa apa-apa obligasi yang timbul untuk mentakrifnya masing-masing. Pembeli Berjaya dianggap mempunyai pengetahuan penuh bagi keadaan Hartanah dan tiada kesilapan, salah nyata atau salah perihalan di Perisytiharan Jualan akan membatalkan penjualan dan Pembeli Berjaya tidak dibenarkan untuk menuntut apa-apa pampasan berkenaan dengan kesalahan, kenyataan yang salah atau salah perihalan tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa sekatan kepentingan, kaveat, tenansi, isemen, pajakan, gadaian, jual beli sebelum ini, serah hak sebelumnya, perjanjian-perjanjian, liabiliti atas Hartanah, adalah menjadi tanggungjawab Pembeli Berjaya untuk mematuhi sekatan kepentingan dan/atau mengeluarkan dan/atau berurusan dengan kaveat, tenansi, isemen, pajakan, gadaian, jual beli sebelum ini, serah hak sebelumnya, perjanjian-perjanjian, liabiliti pada kos dan perbelanjaannya sendiri tanpa apa-apa tuntutan atau pampasan daripada Pemegang Serahhak/Bank dan memastikan bahawa jualan itu diselesaikan dalam masa yang dinyatakan di sini (atau lanjutan masa, jika ada).
28. Pembeli Berjaya hendaklah mengakui dan menerima identiti Hartanah tersebut, kedudukan, ukuran, sempadan, dan keluasan Hartanah seperti yang diberikan di dalam ini dan dipercayai dan dianggap sebagai betul. Sebarang percanggahan dari segi ukuran, sempadan dan/atau keluasan Hartanah selepas pengeluaran individu/hakmilik strata kepada Hartanah TIDAK akan membatalkan jualan ini dan Pembeli Berjaya hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada Pemaju atau menerima apa-apa pampasan dan/atau pelarasan kepada harga rizab (jika ada) yang sepadan dengan varians dan/atau pelarasan kepada sempadan pengukuran dan kawasan.
29. Pembeli Berjaya mengakui, bersetuju dan mengesahkan bahawa:
 - (a) beliau telah memeriksa Hartanah dan mengemukakan tawaran dengan pengetahuan penuh/notis bagi keadaan sebenar dan keadaan Hartanah tersebut dan mengambil Hartanah tersebut dalam keadaan "sepertimana sedia ada";
 - (b) beliau telah membuat/mengemukakan bidaan itu semata-mata hasil daripada pemeriksaan/penilaian sendiri dan bergantung kepada kemahiran dan pertimbangan beliau sendiri dan tidak bergantung kepada sebarang perwakilan atau jaminan, sama ada secara bertulis, lisan atau tersirat, oleh atau dari Pemegang Serahhak / Bank, Pelelong dan/atau Peguamcara Pihak Pemegang Serahhak/Bank itu;
 - (c) beliau telah membeli dan menerima Hartanah dalam kondisi, keadaan, sifat dan watak di mana Hartanah itu seperti pada tarikh jualan itu dan tidak boleh menamatkan pembelian atau membuat apa-apa tuntutan bagi pampasan atau pengurangan pembelian harga atau menuntut apa-apa ganti rugi berkenaan dengan sebarang salah keterangan mengenai kedudukan, ukuran, sempadan, kawasan, keadaan, keadaan, sifat, watak dan aspek-aspek lain hartanah tersebut;
 - (d) bermula dari masa jualan hartanah kepada Pembeli Berjaya, hartanah itu hendaklah berada di bawah risiko tunggal Pembeli Berjaya yang berkaitan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan dalam bentuk apajua sekalipun yang berlaku;
 - (e) pihak Pemegang Serahhak/Bank tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong Hartanah tersebut kepada Pembeli Berjaya. Pembeli Berjaya selepas pembayaran baki harga belian sepenuhnya berserta dengan Cukai (di mana berkenaan) dan/atau faedah terakru, jika ada hendaklah pada kos dan perbelanjaan beliau sendiri mengambil milikan Hartanah tersebut tanpa kewajipan di pihak Pemegang Serahhak atau Ejennya untuk memberikan milikan kosong;
 - (f) pihak Pemegang Serahhak/Bank tidak membuat sebarang representasi berkenaan dengan pemilikan perabot, kelengkapan dan lekapan yang terletak pada Hartanah tersebut yang mana item tersebut mungkin berada di bawah sewa beli, pajakan atau jualan tertunda daripada pihak ketiga. Dalam kes sedemikian, Pemegang Serahhak/Bank tidak bertanggungjawab atas apa-apa bayaran yang mungkin tertunggak berkenaan dengannya dan Hartanah dijual tertakluk dengannya.
30. Pemegang Serahhak/Bank tidak memberi sebarang jaminan terhadap kejituan atau ketepatan maklumat dan kenyataan yang terkandung dalam Perisytiharan Jualan dan Syarat-Syarat Jualan ini atau tentang keadaan atau kondisi Hartanah selain daripada bahawa Pihak Pemegang Serahhak/Bank adalah pemegang serahhak yang sah dan pemegang serahhak benefisial Hartanah tersebut. Selain daripada itu, tiada sebarang representasi/jaminan dibuat oleh atau dikenakan terhadap Pemegang Serahhak/ Bank berkenaan dengan Hartanah dan semua perkara berhubung di sini.
31. Pemegang Serahhak/Bank tidak mempunyai obligasi untuk menjawab apa-apa pertanyaan atau permintaan oleh Pembeli Berjaya dan apa-apa keengganan atau kegagalan oleh Pemegang Serahhak/Bank untuk menjawab permintaan tersebut atas apa jua sebab sekalipun tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak melengkapkan atau kelewatan dalam penyelesaian jualan ini.
32. Pemegang Serahhak/Bank menafikan semua liabiliti dalam sebarang komunikasi tidak rasmi antara Pembeli Berjaya dan Pemegang Serahhak/Bank sebelum atau selepas jualan dan Pembeli Berjaya hendaklah mempunyai kewajipan untuk mengesahkan semua komunikasi berhubung dengan Hartanah dan jualan di sini.

33. Semua siasatan yang diperlukan oleh penawar yang berminat untuk tujuan dan pertimbangan mereka hendaklah dibuat sendiri oleh penawar yang berminat pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri.
34. Pemegang Serahhak/Bank tidak menjustifikasikan, beraku janji atau menjamin bahawa hakmilik individu/hakmilik strata untuk Hartanah tersebut akan membawa kondisi, sekatan kepentingan, tempoh dan endosan yang sama seperti yang kini diendoskan pada dokumen hakmilik keluaran ke Tanah Induk.
35. Semua risiko, kerugian atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, ribut, gempa bumi, kerosakan dengan niat jahat, apa-apa kerugian atau kerosakan dalam apajua bentuk sekalipun berlaku terhadap Hartanah tersebut adalah diajukan kepada Pembeli Berjaya pada tarikh jualan lelong.
36. Sekiranya penjualan itu diketepikan atau diisytiharkan batal dan tidak sah tanpa sebarang kesalahan Pembeli Berjaya, Pemegang Serahhak/Bank hendaklah, tertakluk kepada Pembeli Berjaya pada permulaannya:
- memulangkan kepada Pemegang Serahhak/Bank utuh dokumen yang membuktikan hakmilik dan lain-lain dokumen yang telah diserahkan kepada Pembeli Berjaya (jika ada); dan
 - melaksanakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Pihak Pemegang Serahhak/Bank bagi pembatalan serahhak Hartanah tersebut bagi pihak Pembeli Berjaya atau serahhak semula Hartanah bagi Pihak Pemegang Serahhak/ Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan,
- membayar balik (tanpa faedah) kepada Pembeli Berjaya, segala wang yang diterima ke atas pembayaran harga belian itu dan selepas pembayaran balik itu, Pembeli Berjaya tidak akan mempunyai tuntutan terhadap Pihak Pemegang Serahhak/Bank atau mana-mana orang lain bagi mana-mana akaun tersebut.
37. Pemegang Serahhak/Bank tidak mempunyai notis atau pengetahuan tentang apa-apa pencerobohan atau mengenai Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai apa-apa niat segera untuk menakluki keseluruhan atau mana-mana bahagian Hartanah tersebut untuk jalan raya atau mana-mana skim peningkatan dan jika apa-apa pencerobohan adalah didapati wujud atau jika Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan mempunyai hasrat tersebut, ianya tidak boleh membatalkan apa-apa jualan dan tiada apa-apa pengurangan atau pampasan akan dibenarkan berkenaan dengannya.
38. Pemegang Serahhak/Bank mempunyai hak untuk mengenakan apa-apa terma-terma dan syarat-syarat tambahan berkenaan dengan jualan Hartanah tersebut yang mana dianggap wajar oleh Pemegang Serahhak/Bank dengan memberi notis 14 hari kalendar terlebih dahulu yang mencukupi dari semasa ke semasa.
39. Masa hendaklah menjadi intipati kontrak jualan ini.
40. Apa-apa notis, permintaan atau tuntutan yang dikehendaki untuk disampaikan kepada Pembeli Berjaya hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna:
- jika ia disampaikan melalui pos berdaftar berbayar kepada:
 - alamat beliau yang diberikan kepada Pelelong tersebut;
 - Peguamcaranya;
- dan apa-apa notis, permintaan atau tuntutan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima pada masa ia disampaikan dalam perjalanan biasa pos atau
- jika ia diserahkan secara serahan tangan kepadanya atau peguamcaranya.
- Semua notis kepada Pemegang Serahhak/Bank hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disampaikan kepada Peguamcara Pihak Pemegang Serahhak/Bank dengan AR pos berdaftar atau secara serahan tangan.
41. Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan teks dalam mana-mana bahasa lain Perisytiharan Jualan dan/atau Syarat-Syarat Jualan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpastian atau percanggahan dalam tafsiran atau pembinaan Perjanjian ini, Pemegang Serahhak/Bank hendaklah menentukan ketidakpastian atau percanggahan dan keputusan Pihak Pemegang Serahhak/Pihak Peminjam adalah muktamad dan mengikat.
42. Syarat-Syarat yang digunakan dalam Syarat-Syarat Jualan ini dan tidak ditakrifkan selainnya hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepada mereka di Perisytiharan Jualan.
43. Dalam klausa-klausa ini yang dinyatakan di atas, di mana konteks membenarkan, perkataan tunggal tersebut termasuk jamak dan sebaliknya dan maskulin termasuk feminin dan tanpa jantina.
44. Setiap satu daripada klausa-klausa Syarat-Syarat Jualan ini adalah diasingkan dan berbeza dari yang lain dan jika mana-mana satu atau lebih daripada satu klausa atau mana-mana bahagiannya adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahan, kesahan dari sisi undang-undang atau penguatkuasaan klausa-klausa yang lain bagi Syarat-Syarat Jualan ini tidak boleh dengan itu dipengaruhi atau terjejas dalam apa jua cara.
45. Penawar atas talian juga adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di laman web **www.eszamauctioneer.com** selain daripada syarat-syarat yang terkandung di dalam Syarat-Syarat Jualan ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan di antara terma-terma dan syarat-syarat di atas talian dengan Syarat-Syarat Jualan ini, peruntukan di dalam Syarat-Syarat Jualan ini akan lebih terpakai.